

- 15.2.12 Apabila wang pendahuluan yang telah dibayar balik sepenuhnya kepada Kerajaan, maka tanggungan pihak Bank, Insurans atau Syarikat Kewangan yang menjadi penjamin dikurangkan secara automatik mengikut amaun wang pendahuluan yang telah dibayar balik. Sehubungan itu, tanggungan penjamin hendaklah dilepaskan oleh Kerajaan sebaik sahaja wang telah dibayar balik sepenuhnya.
- 15.2.13 Tempoh tanggungan jaminan adalah meliputi tempoh kontrak (termasuk Lanjutan Masa yang diluluskan) dan boleh dilanjutkan tidak melebihi tiga (3) bulan. Sekiranya baki wang pendahuluan belum didapatkan kembali, ia perlu dituntut daripada penjamin di dalam tempoh sah jaminan tersebut.
- 15.2.14 Bagi Bayaran pendahuluan kepada Subkontraktor Dinamakan, prosedur di atas hendaklah dipatuhi. Peruntukan Khas kepada Syarat-syarat Kontrak hendaklah juga dimasukkan dalam dokumen subkontrak berkenaan. Subkontraktor Dinamakan hendaklah memberi Surat Jaminan Tanggung Rugi kepada kontraktor utama dan Kerajaan bagi membolehkan potongan bayaran balik dibuat melalui Perakuan Bayaran Interim.

### **15.3 Perakuan Bayaran Interim**

- 15.3.1 Perakuan Bayaran Interim hendaklah dibuat menurut klausula 28 peruntukan Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev. 2007).
- 15.3.2 Bagi membuat Bayaran Interim, perakuan perlu dibuat menggunakan Borang JKR 66 yang terkini termasuk Lampiran A yang merangkumi perakuan untuk bayaran kepada Subkontraktor Dinamakan, Pembekal Dinamakan, Penerima Hak dan Pegawai Penyelia JKR yang diluluskan.
- 15.3.3 Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan sebelum Perakuan Bayaran Interim dikeluarkan;
- (a) Menetapkan satu tarikh yang dipersetujui oleh kedua pihak untuk membuat penilaian dan dimaklumkan kepada semua yang terlibat.